

MTUC dinasihati terima keputusan kerajaan

KUALA LUMPUR 31 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya menerima keputusan kerajaan memilih CUEPACS sebagai wakil kesatuan sekerja negara ke Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Geneva minggu depan.

Perdana Menteri berkata, memandangkan kongres tersebut tidak mewakili semua pekerja termasuk kakitangan perkhidmatan awam, ia seharusnya terima keputusan itu.

“MTUC bukan mewakili semua pekerja, sudah tentu ia tidak mewakili pekerja dalam sektor kerajaan.

“Sebab itu ia harus terima sistem bergilir-gilir untuk menjadi wakil ke persidangan ILO.

“Jadi, apabila sampai giliran pihak lain, dia

(MTUC) patut terimalah,” kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan Institut Malaysia Jerman di Taman Shamelin Perkasa, Cheras di sini, hari ini.

Dr. Mahathir menyatakan demikian sebagai mengulas bantahan Presiden MTUC, Zainal Rampak terhadap keputusan kerajaan untuk menghantar CUEPACS (sebuah kesatuan sekerja mewakili kakitangan awam) ke persidangan dua minggu itu bermula 7 Jun ini.

Zainal ketika menyatakan bantahan itu dilaporkan sebagai berkata, beliau akan mengemukakan bantahan dan tuntutan kepada Jawatankuasa Pengiktirafan ILO pada persidangan tahunan itu.

Menurut Zainal, kerajaan seharusnya melantik kongres tersebut sebagai wakil tunggal Malaysia ke persidangan setiap ta-

hun mulai tahun ini dan mengetepikan dasar bergilir sebagaimana diamalkan oleh pertubuhan buruh itu dan CUEPACS sejak 13 tahun lalu.

Bagaimanapun, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek Jumaat lalu berkata, keputusan kerajaan untuk melantik Presiden CUEPACS, Mohamed Mat Jid untuk menjadi wakil pada tahun ini adalah muktamad.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, tindakan MTUC untuk merujuk isu ke peringkat ILO akan menyusahkan pekerja di negara ini.

“Kalau ia juga cuba guna kesatuan asing untuk menjejaskan eksport kita, maknanya ia sebenarnya bekerja untuk menyusahkan pekerja kita.

“Apakah maknanya bagi MTUC sekiranya ia bekerja dengan pihak lain untuk menganiayai pekerja kita,” katanya.